

BAKAU

- Bakau terdiri daripada pokok dan pokok renek yang tumbuh sepanjang pantai dan hidup dalam persekitaran air masin.
- Ia mengekang hakisan pantai dengan memecahkan ombak laut dan melindungi habitat marin lain daripada diselaputi kelodak. Bakau juga menyediakan makanan dan tempat perlindungan untuk anak ikan.



Dapatan utama

Saiz hutan bakau kini dua kali ganda berbanding pada 1993.

- Kawasan tadahan karbon semula jadi ini menyimpan lebih banyak karbon daripada hutan tropika dari segi per unit kawasan.
- Tompok terbesar bakau di tanah besar Singapura meliputi sekitar 100 hektar (ha), seluas kira-kira 140 padang bola sepak. Ia boleh didapati di Paya Simpanan Sungei Buloh.

KAWASAN RUMPUT LAUT

- Rumput laut adalah tumbuhan berbunga yang menyimpan sejumlah besar karbon dalam sedimen.
- Selain menjadi sumber makanan untuk herbivor seperti dugong, rumput laut bertindak sebagai kawasan semaian untuk haiwan juvenil seperti ketam dan udang.
- Rumput laut boleh didapati di kedua-duanya kawasan utara dan selatan pantai Singapura.



Dapatan utama

Rumput laut nampaknya kian pulih dan tumbuh semula sejak 2011, di kawasan seperti Changi dan Tanah Merah.

Petunjuk

- Kawasan dibangun
- Tumbuhan pantai
- Cerun terumbu karang
- Batu karang dengan rumput laut dan alga
- Karang di atas benteng batu
- Bakau
- Tanah lumpur
- Padang terbuka
- Tumbuh-tumbuhan lain

Pemetaan habitat pantai dan marin S'pura

Penyelidik setempat telah menghasilkan peta paling menyeluruh sejauh ini yang menunjukkan habitat pantai dan marin Singapura, membuka laluan bagi pembangunan yang peka dari segi ekologi dalam beberapa tahun akan datang. Infografik ini memaparkan perubahan ekosistem tersebut.

TERUMBU KARANG

- Terumbu karang ialah ekosistem marin yang terbentuk pada rangka beberapa generasi batu karang keras.
- Mereka menyokong hidupan laut yang berwarna-warni dan pelbagai, termasuk ikan karang, lintah laut dan penyu.
- Setiap terumbu boleh dibahagikan kepada dua kawasan utama: pamah terumbu (kawasan rata) dan cerun terumbu.
- Pamah terumbu terdiri terutamanya daripada batu bata dengan sedikit karang hidup, tetapi ia menjadi kawasan tumbuhan seperti rumput laut dan organisma lain seperti tapak sulaiman. Sebahagiannya mungkin terdedah semasa air surut.
- Cerun terumbu, juga dikenali sebagai terumbu karang subpasang surut, mempunyai ketumpatan tinggi karang hidup dan sentiasa tenggelam.
- Terumbu karang kebanyakannya terletak sekitar pulau selatan.



Dapatan utama

Kini terdapat kawasan karang seluas 42 ha di atas batu struktur buatan seperti tembok laut. Saiznya seluas kira-kira 60 padang bola sepak dan membentuk lebih daripada suku kawasan karang subpasang surut atau subtidal.

KAWASAN RATA PASANG-SURUT

- Kawasan pasang-surut ialah habitat di zon pantai antara paras laut dan paras pasang surut terendah.
- Habitat sedemikian terdiri daripada tanah lumpur, kawasan rata pasir dan rumput laut.
- Tumbuhan dan haiwan yang hidup di zon ini boleh menyesuaikan diri kepada pendedahan udara dan matahari dua kali sehari.
- Kawasan rata pasang-surut boleh didapati di Chek Jawa dan Tanah Lumpur Mandai, di mana mereka juga menyediakan makanan untuk haiwan darat seperti burung pantai berhijrah dan babi hutan.



Dapatan utama

Saiz kawasan rata pasang-surut nampaknya turun naik secara mendadak, tetapi tiada kerugian bersih pada jangka panjang.

